



**BULETIN
2/2022**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



ISI KANDUNGAN

01

Isi Kandungan

05

Mei 2022

02

Influenza

06

Jun 2022

03

Program dan Aktiviti

04

April 2022

INFLUENZA



PROGRAM DAN AKTIVITI



selangor.gov.my/sabakbernam.php



twitter.com/pdtsbernam



facebook.com/pejabat.sabakbernam

APRIL

2022

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021

1 April 2022

Bertempat di Concorde Hotel Shah Alam, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2021 bagi menghargai usaha kakitangan yang telah berkhidmat dengan cemerlang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



ACARA BUBUR LAMBUK OLEH BIRO KESUKA

20 April 2022

Biro Addin KESUKA mengadakan acara mengacau dan mengagihkan bubur lambuk kepada semua kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam pada 20 April 2022. Bekerjasama dengan pihak Jawatankuasa Masjid Makmuriah, aktiviti mengacau bubur lambuk dapat disempurnakan hasil kerjasama semua ahli-ahli Jawatankuasa Biro Addin.



MAJLIS BERBUKA PUASA DAN KHATAM AL-QURAN

26 April 2022

Bertempat di Bilik Bunga Raya, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam menganjurkan program Iftar Perdana bersama dengan para Mudir dan pelajar Maahad Tahfiz As-Solehin, Panchang Bedena. Majlis turut dimeriahkan dengan penyertaan wakil dari Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang turut sama menyerahkan cenderahati kepada para pelajar tahfiz.



**MEI
2022**

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH SABAK BERNAM

20 Mei 2022

Sambutan hari raya aidilfitri peringkat daerah Sabak Bernam ini telah diadakan di Stadium Sungai Besar. Sambutan ini telah dihadiri dan dirasmikan oleh Menteri Besar Selangor iaitu Dato' Seri Amirudin Shari. Pelbagai agensi kerajaan di Sabak Bernam telah membuka gerai dan pelbagai juadah telah disediakan untuk menjamu penduduk setempat.



MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI SEMUA UNIT PDTSB

26 hingga 31 Mei 2022

Majlis hari raya aidilfitri ini telah dianjurkan oleh setiap unit di PDTSB bagi menyambut kemeriahinan aidilfitri. Terdapat pelbagai juadah hari raya yang disediakan oleh setiap unit untuk dijamu kepada semua kakitangan yang hadir bagi memeriahkan rumah terbuka tersebut.



MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI SEMUA UNIT PDTSB

26 hingga 31 Mei 2022



**JUN
2022**

CERAMAH INTEGRITI TEMPAT KERJA BEBAS DADAH BERSAMA AADK

1 Jun 2022

Agenzi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah datang ke Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) untuk memberikan ceramah berkenaan tentang bahayanya dadah kepada kakitangan PDTSB. Ceramah ini telah disampaikan oleh penceramah dari AADK yang bertempat di Bilik Bunga Raya.



PERHIMPUNAN BULANAN PEGAWAI & KAKITANGAN PDTSB 2022

3 Jun 2022

Perhimpunan bulanan pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) 2022 telah diadakan di Bilik Bunga Raya yang bertempat di PDTSB. Beberapa sumbangan dan cenderamata telah disampaikan oleh Tuan Amri, Pegawai Daerah Sabak Bernam untuk memberi penghargaan kepada kakitangan PDTSB



CSR RUMAH ANAK YATIM SEKENDI

9 Jun 2022

Program CSR Komuniti ini telah diadakan di Asrama Kebajikan Anak-Anak Yatim Sekendi, Sabak Bernam pada 9 Jun 2022. Program ini dilaksanakan bagi meringankan beban dan bergotong royong untuk membersihkan kawasan asrama anak-anak yatim tersebut.



PELANCARAN PROGRAM PEMENTORAN PDTSB 2022

10 Jun 2022

Pelancaran program pementoran PDTSB 2022 ini telah dilancarkan oleh Encik Mohamad Marwan bin Ahmad Tajuri, Ketua Penolong Pegawai Daerah yang bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka. Program pementoran ini telah dihadiri oleh pegawai dari SUK Negeri Selangor bagi memberi sedikit penerangan tentang program pementoran ini.



PERHIMPUNAN JABATAN DAN AGENSI DAERAH SABAK BERNAM

14 Jun 2022

Pada 14 Jun 2022, telah diadakan perhimpunan jabatan dan agensi daerah Sabak Bernam. Beberapa jabatan dan agensi dari daerah Sabak Bernam telah hadir seperti AADK, PPD, Polis dan sebagainya. Perhimpunan ini dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Tuan Amri bin Ismail, Pegawai Daerah Sabak Bernam.



SESI PERKONGSIAN ILMU

15 Jun 2022

Bertempat di Bilik Bunga Raya pada 15 jun 2022, sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Encik Muhamad Asri bin Sulong berkenaan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Sesi perkongsian ilmu ini adalah untuk bagi memberi penjelasan yang lebih jelas tentang tugas yang perlu dilakukan.



JUTAAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA

TUAN AMRI BIN ISMAIL,
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH,
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR,
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI,
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM,
PUAN SITI SARAH BINTI ISMAIL,
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD,
PUAN HARYATY BINTI KADIMIN,
ENCIK MOHD AZEZUL BIN ABDUL HALIM,
ENCIK MUHAMAD SYAUQI BIN MUSTAFA KAMAL,
UNIT ICT.

DAN

SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN BULETIN PDTSB
BIL.02/2022 (APRIL HINGGA JUN 2022)